

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan peruntukan baik pulih rumah e-Kasih kepada RM20,000 sejajar dengan kos barangan yang semakin meningkat kini berbanding tahun 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian mengambil maklum dan menyambut baik cadangan Yang Berhormat untuk meningkatkan kos siling baik pulih rumah kepada RM20,000 disebabkan oleh kenaikan harga bahan binaan pada masa ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini akan diperhalusi dan perlu diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri kerana ia melibatkan implikasi kewangan dan bilangan penerima bantuan yang akan menerima manfaat daripada program bantuan berkenaan. Walau bagaimanapun, buat masa ini Kementerian sedia mempertimbangkan kos baik pulih melebihi siling sedia ada berdasarkan kepada tahap keperluan terutama melibatkan keselamatan struktur rumah.

Kadar siling bantuan baik pulih rumah di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM13,000 seunit manakala di Sabah/ Sarawak/ W.P Labuan adalah sebanyak RM15,000 seunit.